

Interpretasi Simbolik Karya Seni Visual Bertajuk Walk in Silence, Don't Walk Away in Silence Oleh Saiful Razman Dalam Konteks Fenomena Covid-19

A Symbolic Interpretation of the Visual Artwork titled Walk in Silence, Don't Walk Away in Silence by Saiful Razman in the Context of Covid-19 Phenomenon

**Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad¹, *Issarezal Ismail²,
Muhamad Rozali Othman³, Mohd Daud Abdul Rahim⁴, Mohd Nafis Saad⁵**
*^{1,2,3,4,5}College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch,
Seri Iskandar Campus, MALAYSIA*

huemaini@uitm.edu.my¹, *issarezal@uitm.edu.my², rozali719@uitm.edu.my³,
mdaud652@uitm.edu.my⁴, mohdn4491@uitm.edu.my⁵
***Corresponding author**

Received: 30 January 2023, Accepted: 28 February 2023, Published: 1 April 2023

ABSTRAK

Karya seni visual dalam pelbagai bentuk dan jenis ungkapan diciptakan oleh seniman untuk menyampaikan atau menyatakan sesuatu berupa makna atau pengertian kepada pengamatnya melalui perantaraan simbol atau tanda tertentu. Kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis dan menafsirkan makna dari sejumlah simbol dan tanda yang hadir dalam karya seni visual bertajuk Walk in Silence, Don't Walk Away in Silence (2021) oleh Saiful Razman dalam konteks fenomena COVID-19. Pendekatan kajian seni digunakan di mana ianya di duduk di bawah kajian kualitatif yang menfokuskan pada penjelasan bersifat deskriptif dan menyeluruh. Satu kerangka konseptual telah dibina melalui konsep-konsep yang dianggap relevan sebagai panduan untuk mendekati, memahami dan menjelaskan simbol atau tanda dari karya seni visual sehingga membuka jalan terhadap kefahaman makna simbolik dari karya yang diteliti. Hasil analisis menunjukkan bahawa karya seni visual tersebut memuatkan sejumlah simbol dan tanda yang diinspirasi dari pengalaman peribadi seniman sewaktu menempuh fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) beberapa tahun yang lepas. Simbol dan tanda tersebut secara tersirat mengungkapkan makna simbolik tentang kehidupan manusia yang terpenjara sehingga hilang nilai kebebasannya sehingga hanya peristiwa kematian sahaja yang mampu membebaskan manusia untuk keluar dari belenggu tersebut walaupun dunia di sekitarnya penuh dengan kesunyian dan kekosongan.

Kata Kunci: interpretasi, simbolik, karya seni visual, COVID-19, Saiful Razman

ABSTRACT

Visual artworks in various forms and types of expression are created by artists to convey or express something in the form of meaning and understanding to the observer through the use of certain symbols or signs. This study was carried out to analyze and interpret the meaning behind symbols and signs present in the visual artwork titled Walk in Silence, Don't Walk in Silence (2021) by Saiful Razman in the context of the COVID-19 phenomenon. The art study approach is used where it sits under a qualitative study that focuses on descriptive and holistic explanations. A conceptual framework has been built through concepts that are considered relevant as a guide to approach, understand and explain symbols or signs from visual artwork so as to pave the way for a clear understanding of the symbolic meaning of the researched work. The analysis results show that the visual artworks contain many symbols and signs inspired by the artist's personal experience while going through the Movement

Control Order (MCO) phase a few years ago. The symbols and signs implicitly express the meaning of imprisoned human life until the value of freedom is lost so that only the event of death can bring people out of the shackles even though the world around them is full of silence and emptiness.

Keywords: *interpretation, symbolic, visual artwork, COVID-19, Saiful Razman*



eISSN: 2550-214X © 2023. Published for Ideology Journal by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution – Non Commercial – No Derivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

1. PENGENALAN

Pada awal tahun 2020, hampir seluruh dunia telah digemparkan dengan penularan wabak novel coronavirus atau dikenali sebagai COVID-19. Novel coronavirus ini dipercayai berasal dari Wuhan China dalam wilayah Hubei di sebuah pasar yang dilaporkan telah dikesan pada Disember 2019. Pandemik Covid-19 ini telah mengorbankan jutaan nyawa di seluruh dunia. Penularan wabak ini berlaku dengan cepat dan pantas dimana ianya telah melangkaui sempadan negara di seluruh dunia antaranya Thailand, Korea, Jepun, Amerika Syarikat termasuklah Malaysia. Di Malaysia khususnya, kes positif yang pertama telah direkodkan pada 25 Januari 2020 (Nur Asyilla Che Jalil, 2020). Sehingga ke hari ini perjuangan menentang pandemik COVID-19 masih belum berakhir kerana telah muncul beberapa varian baharu yang lebih membimbangkan. Sub-varian baharu iaitu strain Omicron XBB.1.5 dengan nama Kraken telah dilaporkan sedang meningkat di Amerika Syarikat dan telah dilaporkan di lebih 25 (Ghebreyesus, T.A. (2023).

Langkah awal yang telah diambil oleh kerajaan Malaysia semasa berdepan dengan COVID-19 adalah dengan melaksanakan beberapa peringkat fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara. Di samping itu juga, beberapa norma baharu perlu dipatuhi antaranya menjaga jarak fizikal, pakai pelitup muka dan kerap mencuci tangan bagi memastikan rantaian jangkitan COVID-19 dapat diputuskan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021). Sepanjang tempoh PKP, sudah semestinya ini semua telah mengubah cara hidup semua orang di mana tiada pergerakan dibenarkan sama sekali dan warga masyarakat hanya perlu kekal berada di rumah. Semua bentuk perhimpunan ramai termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya adalah dilarang. Pelbagai sektor antaranya sektor ekonomi, pekerjaan, pertanian, pelancongan, perindustrian dan pendidikan turut terjejas dan diarahkan tutup.

Dalam bidang seni visual, seniman juga turut merasai kesan besar akibat pandemik COVID-19. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, suasana berkarya telah berubah iaitu hanya di dalam rumah sahaja. Walaupun demikian, seniman masih terus meluahkan idea dan pemikiran mereka di dalam bentuk karya seni. Tidak kurang juga ada seniman yang turut memainkan peranan mereka dengan menyampaikan mesej dalam bentuk seni visual dalam usaha perjuangan menentang pandemik COVID-19 dan menghargai pengorbanan petugas barisan hadapan. Di samping itu, pihak galeri seni juga turut terjejas kerana tidak dapat mengadakan pameran secara fizikal. Salah satu cara bagi mengatasi permasalahan tersebut adalah dengan mengadakan pameran secara atas talian. Galeri pertama yang telah membuat pameran secara dalam talian adalah Segaris Art Center dalam pameran bertajuk *No(w) Showing* pada 1 April 2020 yang melibatkan seramai 40 orang seniman tempatan. Menurut Nizam Rahmat (2020), berpameran secara dalam talian membolehkan galeri terus mengadakan pameran dan seniman boleh terus menghasilkan karya untuk dipamerkan dan dijual seperti yang dilaporkan oleh Irwan Muhammad Zain (2020).

Dalam konteks penciptaan karya seni visual, pelbagai bentuk karya seni telah dihasilkan oleh seniman professional mahupun amatir terhadap respon mereka berkaitan fenomena COVID-19. Bentuk karya seni yang telah dihasilkan adalah seperti karya catan, arca, poster, lukisan dan mural dengan

berekperimentasikan media, teknik dan gaya yang pelbagai (Ismail, I. dkk, 2021). Terdapat juga seniman yang menginspirasi karya mereka berdasarkan pengalaman peribadi masing-masing semasa berdepan dengan peristiwa COVID-19. Disamping itu, lukisan mural juga turut menghiasi dinding-dinding bangunan sedikit sebanyak dapat membantu meningkatkan kesedaran awam mengenai bahaya COVID-19.

Berdasarkan pengenalan yang dijelaskan di atas, satu kajian yang terperinci perlu dibuat untuk merungkai gagasan, simbol dan makna karya-karya seni yang telah dihasilkan dalam konteks COVID-19 ini. Kajian ini akan menfokuskan kepada interpretasi simbolik terhadap karya seni oleh Saiful Razman yang bertajuk *Walk in Silence, Don't Walk Away in Silence* dalam konteks COVID-19. Karya ini dipilih sebagai objek kajian kerana ianya telah berjaya dinobatkan sebagai pemenang pertandingan *2021 UOB Southeast Asian Painting of the Year* anjuran United Overseas Bank (UOB).

Objektif kajian ini seiring dengan beberapa soalan yang diingin dijawab dalam kajian ini. (1) Apakah simbol dan tanda yang hadir dalam karya seni visual itu? Apakah latar kontekstual dari kehadiran simbol atau tanda tersebut? Apakah makna yang dihasilkan melalui simbol dan tanda yang diterapkan dalam karya seni itu? Kajian ini dapat memberikan manfaat kepada bidang akademik dan bidang praktis. Pada bidang akademik contohnya dapat memperluaskan bidang keilmuan berkaitan seni dalam konteks COVID-19. Bukan itu sahaja, kajian ini dapat mencetuskan idea dan memberi jalan terhadap kajian-kajian yang sejenis atau berkaitan pada masa akan datang. Dalam bidang praktis pula, kajian ini dapat memberikan inspirasi kepada seniman yang ingin berkarya dalam tema fenomena COVID-19.

2. KAJIAN LITERATUR

Kajian-kajian ilmiah khususnya karya seni dalam konteks COVID-19 masih baru dan masih diusahakan oleh penulis akademik di Malaysia. Walaupun demikian, terdapat juga beberapa kajian terdahulu yang telah membincangkan tema yang seakan sama dengan kajian ini. Dalam kajian yang dijalankan oleh Razali, R. dkk (2022), beliau telah menganalisis bentuk dan makna karya seni catan yang dihasilkan oleh tiga orang seniman iaitu Husin Othman, Shafiq Nordin dan Aimi Atikah Roslan dalam konteks pasca COVID-19 di Malaysia. Kajian kualitatif ini menggunakan kerangka konseptual yang dibuat berdasarkan konsep-konsep yang berkaitan bagi menganalisis karya. Dapatan simbol dalam ketiga-tiga karya membawa makna yang bersifat peribadi yang dilalui oleh ketiga-tiga orang seniman semasa peristiwa COVID-19 yang telah memberi kesan dari konteks sosial, psikologi, dan persekitaran mereka.

Ibrahim, S. dkk (2020), telah membincangkan ekspresi seniman semasa berdepan dengan pandemik COVID-19 dalam karya seni seperti catan, lukisan dan arca. Kajian kualitatif ini membuat interpretasi karya dengan menggunakan konsep-konsep yang berkaitan dengan seni dan persekitaran yang mana seniman sensitif terhadap persekitaran mereka. Hasil dapatan daripada tujuh karya seniman luar negara iaitu Filipina, Greece, India, USA, Indonesia, Haiti dan Peru mendapati simbol dalam karya mereka membawa makna situasi semasa pandemik yang memberi kesan emosi manusia yang mengalami kemurungan, tidak bebas kerana terkurung semasa sekatan pergerakan, norma baharu seperti menjaga jarak fizikal, menaruh harapan untuk masa depan yang lebih baik serta kaitan hubungan manusia dengan alam.

Seterusnya Ismail, I. dkk (2021) telah mengkaji mesej simbolik dalam karya seni visual yang bertajuk *Wira* oleh Haris Abadi Abd Rahim dalam konteks fenomena COVID-19. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersifat deskriptif dan holistik melalui kerangka konseptual yang dibina berdasarkan konsep-konsep relevan sebagai kaedah untuk menganalisis karya. Dapatan simbol-simbol yang hadir dalam karya cetakan digital oleh Haris Abadi di era COVID-19 memuatkan makna tentang penghormatan seniman terhadap semangat perjuangan dan pengorbanan oleh barisan petugas hadapan dalam menentang pandemik COVID-19.

Sekali lagi Ismail, I. dkk (2021) telah membincangkan mesej simbolik dari satu siri karya poster COVID-19 dari Balai Seni Lukis Sabah yang dihasilkan oleh Intan Munirah Hamzah merangkumi aspek struktur, isi dan fungsi mesejnya. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan kajian seni yang mengutamakan pada sistem penjelasan yang bersifat deskriptif dan holistik dihubungkan melalui kerangka konseptual yang dibentuk oleh konsep-konsep relevan sebagai model analisisnya. Hasil analisis menunjukkan bahawa karya-karya poster COVID-19 dari Balai Seni Lukis Sabah ini memainkan fungsinya secara informatif dalam memberikan maklumat tentang keselamatan diri dan langkah-langkah pencegahan dalam menghadapi fenomena COVID-19. Malah ianya secara tidak langsung dapat menggalakkan masyarakat untuk bersama-sama menentang pandemik ini dengan mengutamakan nilai kesihatan, nilai kebersihan, nilai pengorbanan dan nilai norma baharu.

Akhir sekali Said Ahmad @ Syed Ahmad, S. dkk (2020) telah membuat kajian mengenai ekspresi seniman Zainon Abdullah melalui penciptaan karya seni dalam konteks COVID-19. Kajian ini menggunakan kaedah temubual bersama seniman untuk mendapatkan data utama dalam kajian ini. Simbol-simbol yang terkandung dalam kajian ini dapat membawa makna pandemik COVID-19 telah memberi kesan dari segi psikologi, kesedaran, spiritual dan seterusnya harapan untuk keadaan pulih seperti sediakala.

Berdasarkan kepada perbincangan kajian literatur diatas, jelas menunjukkan bahawa kajian ilmiah berkaitan seni visual dalam konteks fenomena COVID-19 adalah masih baru dan sedang dikembangkan oleh para pengkaji di Malaysia. Kajian terdahulu mendapati pandemik COVID-19 telah memberikan kepelbagaian idea pengkaryaan serta membangunkan naratif yang terbuka kepada pelbagai interpretasi. Oleh yang demikian, kajian yang dibuat ini sedikit sebanyak dapat mengisi kajian yang masih belum dibuat dan seterusnya dapat meluaskan kajian khususnya seni visual dalam konteks COVID-19.

3. METODOLOGI

Pendekatan yang digunakan di dalam kajian ini dapat digolongkan ke dalam kajian seni yang mana asas-asasnya duduk di bawah kerangka kajian kualitatif. Metodologi ini sejajar dengan apa yang disampaikan oleh Creswell, J.W. (2014), bahawa kajian kualitatif sangat berpotensi bagi kajian yang ingin berusaha untuk meneroka sekaligus memahami makna-makna simbolik yang terhasil dari kegiatan manusia dari segi masalah kemanusiaan, kemasyarakatan atau kebudayaan tertentu.

Seperti kajian kualitatif lainnya, kajian seni seperti ini juga secara operasional melibatkan usaha-usaha penting seperti melakukan tinjauan utuh dengan cuba menangkap data tentang karya seni melalui proses observasi yang mendalam, temubual yang lentur dan pengumpulan dokumen-dokumen yang berkaitan. Dalam hal penyajian laporan akhirnya, kajian seni seperti ini memang berfokus kepada hasil penciptaan seni atau karya seni visual sebagai objek sasaran kajiannya tetapi huraianya adalah dalam bentuk kata-kata atau deskriptif. Di sini, pengalaman estetik daripada pengkaji sangat diperlukan khususnya daya kepekaan dan penghayatan yang tinggi terhadap karya seni visual yang dikaji sehingga dapat mengelakkan hasil kajian yang disajikan terkesan kering dan terjadinya bias (Rohidi, T.R., 2011).

3.1 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Bagi mendekati, memahami dan menjelaskan segala persoalan dalam kajian ini, maka satu pengupasan yang mengandungi maka di bawah ini dibahas beberapa konsep dari beberapa disiplin ilmu pengetahuan yang difikirkan relevan bagi membangunkan satu kerangka konseptual kajian.

3.1.1 Interpretasi

Interpretasi adalah kerja fikiran yang terdiri daripada usaha menghuraikan makna yang tersembunyi dalam makna yang zahir atau usaha membongkar tingkatan-tingkatan makna yang tersembunyi dari makna literal (Ricoeur, P.,1981). Dengan kata lain, interpretasi dapat difahami sebagai satu proses

perantara dan penyampaian makna tersirat daripada makna tersurat yang terkandung dalam sebuah teks.

Jika interpretasi dikatakan sebagai proses perantara di antara dimensi teks (karya seni visual) dan dimensi makna, maka sudah tentu proses interpretasi memerlukan kaedah atau cara tertentu agar sesuatu yang tidak difahami pada mulanya akan dapat difahami pada akhirnya. Berkenaan dengan hal tersebut, (Poespoprodjo, W. 1987) memperkenalkan tiga dimensi penting dalam proses interpretasi di mana ketiga-tiga dimensi tersebut saling berkaitan antara satu sama lain iaitu; (i) menghuraikan, (ii) menerangkan dan (iii) menterjemahkan. Di bawah ini adalah penjelasan mengenai ketiga-tiga dimensi tersebut.

Pertama, interpretasi memiliki dimensi deskriptif yang bertujuan untuk menunjukkan, mendedahkan, membenarkan kemunculan atau membukakan teks agar dapat ditafsirkan. Dalam konteks ini, ia berkaitan dengan proses mengenalpasti setiap unsur dalam teks yang berpotensi untuk ditafsirkan. Adapun unsur-unsur tersebut boleh dalam bentuk tulisan, visual, bunyi, pergerakan badan dan sebagainya. Kesemua unsur yang dinyatakan ini boleh dikelompokkan kepada tanda dan simbol.

Kedua, interpretasi memiliki dimensi penjelasan yang mempunyai fungsi memberikan penerangan sehingga sesuatu itu menjadi jelas. Aktiviti interpretasi pada tahap ini dijalankan dengan cara mengaitkan sesuatu unsur yang sedang diinterpretasikan dengan faktor luaran atau juga boleh dipanggil konteks, entah itu konteks peristiwa atau sejarah, pengalaman peribadi, politik, sosial, kebudayaan dan lain-lain lagi. Dimensi interpretasi ini sekurang-kurangnya menunjukkan bahawa makna adalah soal konteks. Hanya dalam konteks tertentu sesuatu simbol atau tanda itu bermakna. Ini kerana keseluruhan aktiviti untuk memberikan penerangan ini adalah bertujuan untuk memberi ruang kepada kefahaman yang menyeluruh. Walau bagaimanapun, ini tidak bererti bahawa teks sentiasa diterangkan melalui data di luar teks. Data di luar teks hanya relevan setakat mana pengaruh data itu boleh dikaitkan dengan unsur di dalam teks.

Akhir sekali, dimensi ketiga dari interpretasi adalah menterjemahkan. Ia berfungsi sebagai proses pemindahan makna dan ini sebenarnya adalah teras kepada masalah interpretasi. Di sini, menterjemah bukan sekadar menggantikan perkataan sedia ada tanpa dapat menangkap intipati isi atau maksud tersirat yang ingin disampaikan oleh sesebuah teks. Makna tersirat ini boleh dikatakan hasil hubungan antara unsur teks yang dihuraikan (dimensi pertama) dengan faktor kontekstual (dimensi kedua). Apabila ketiga-tiga dimensi pentafsiran itu dilalui dengan lancar, maka selesailah proses interpretasi.

3.1.2 Simbol Karya Seni

Simbol ialah sesuatu yang dapat terwujud dari objek, gambar, bunyi, teks atau sebarang bentuk ciptaan manusia yang digunakan untuk menggantikan sesuatu di luar kewujudan bentuknya yang sebenar. Takrifan mudah bagi simbol memberi kefahaman bahawa simbol pada dasarnya ingin menghubungkan objek yang bersifat nyata dengan apa-apa yang bersifat abstrak atau lebih luas sifatnya. Sesuatu yang abstrak atau lebih luas itu boleh meliputi dunia makna manusia itu sendiri seperti konsep, pendapat, cita-cita, harapan, keinginan atau kepercayaan tertentu.


Sejajar dengan pandangan di atas, dengan itu simbol boleh difahami sebagai kata nama, kata kerja dan kata sifat (Saidi, A.I., 2008). Sebagai kata nama, simbol merujuk kepada kewujudan bentuknya seperti objek, gambar, bunyi, perbuatan atau apa sahaja hasil dari tindakan manusia. Sebagai kata kerja, simbol dinyatakan sebagai perwakilan untuk menandakan, menunjukkan, menerangkan atau menggantikan semua yang diwakilinya. Manakala, simbol sebagai kata adjektif mengandungi makna yang lebih mendalam, lebih besar atau lebih luas di mana ia terlepas daripada mana zahir / literal dari simbol itu sendiri.

Dalam konteks seni visual, simbol sentiasa muncul melalui unsur visual. Tetapi, ia juga mampu dipersembahkan melalui penggunaan medium (bahan) dan juga pada ekspresi bentuk. Melalui unsur visual, sesuatu simbol hadir melalui gambaran manusia, objek, haiwan dan tempat atau lokasi. Ia juga

boleh hadir melalui unsur seni dan prinsip rekaan seperti garisan, warna, rupa, jalinan, kontras, irama, pengulangan, pergerakan, gelap-terang dan banyak lagi. Menurut Rohidi T.R., (2000), simbol-simbol yang terdapat pada subjek yang boleh dikenali sering disebut sebagai simbol ikonik; sedangkan, simbol dengan kualiti abstrak sering dirujuk sebagai simbol abstrak.

Secara operasional, penggunaan simbol dalam karya seni visual banyak ditentukan oleh wujudnya asas persamaan antara dua perkara yang berbeza sehingga simbol boleh menjadi perantara antara dunia objek (simbol) dan dunia pengalaman manusia (makna). Dalam konteks ini, sebuah simbol cuba untuk memaparkan suatu aturan yang memiliki keselarian di antara simbol tersebut dan juga konsep yang menjadi latar kewujudannya. Berdasarkan prinsip itulah yang menjadikan simbol begitu berbeza daripada tanda kerana secara umum tanda memaparkan secara langsung apa yang ditandakan. Sebaliknya, simbol tidak lebih daripada gambaran tidak langsung terhadap apa sahaja yang hendak disimbolkannya (Rohidi, T.R., 2000).

Dari aspek sifatnya, simbol yang digarap pada karya seni visual merupakan alat komunikasi yang digunakan oleh pengkarya untuk menyatakan sesuatu maksud kepada pemerhati karyanya. Menurut Ogden, C.K. dan Richards, I.A., (1989: 11), simbol dalam karya seni visual sebenarnya mengandungi makna atau makna yang signifikan yang membawa kepada makna berdasarkan konsep tertentu di mana ia mempunyai hubungan konotasi antara simbol dengan sumber rujukannya. Konsep-konsep ini boleh merujuk kepada dunia pengalaman manusia (makna) yang telah dibincangkan sebelum ini. Namun begitu, perlu ditegaskan di sini bahawa makna simbolik sesebuah karya seni visual bukan sahaja mempunyai dimensi sosial di mana makna itu terhasil daripada ketepatan kolektif masyarakat tetapi juga mempunyai dimensi peribadi yang dibangunkan oleh pelukis itu sendiri apabila konsep yang ingin diketengahkan tidak mempunyai perbendaharaan kata simbolik sebaliknya ia mesti dicipta sendiri oleh seniman.




Rajah 1 Kerangka Konseptual Kajian Karya Seni Visual

Melalui model kerangka konseptual yang ditunjukkan di atas (lihat Rajah 1), dapat dijelaskan di sini bahawa karya seni visual sebagai objek kajian atau boleh dirujuk sebagai teks diletakkan pada kedudukan di tengah-tengah sebagai sasaran analisis yang terdiri daripada tanda atau simbol yang melekat padanya. Tanda atau simbol boleh muncul sebagai elemen visual (bergambar) atau kualiti abstrak seperti garisan, bentuk, tekstur, kontras, ulangan dan lain-lain.

Seterusnya, analisis dimulakan dengan deskripsi tentang tanda atau simbol yang muncul daripada karya seni visual yang sedang dikaji. Melalui tanda, unsur visual mampu menggambarkan sesuatu yang boleh dikenali sama ada watak manusia, haiwan, tumbuhan mahupun sesuatu benda. Sebagai tanda, visual dapat menunjukkan hubungan langsung dengan apa yang menjadi tanda supaya pemahaman yang diperoleh dapat dikaitkan dengan sumber rujukan tanda yang dipaparkan. Sebaliknya, tanda juga boleh ditafsirkan pada masa yang sama sebagai simbol. Di sini, simbol mempunyai sifat sembarangan dan melaluinya simbol tidak mempunyai hubungan langsung dengan sumber rujukannya.

Dari segi interpretasinya pula, sebuah simbol boleh ditafsirkan maknanya berdasarkan konteksnya sebagai asas rujukan yang berkaitan dengannya iaitu fenomena COVID-19. Kefahaman yang diperolehi melalui analisis tanda dan simbol seterusnya akan membuka jalan bagi kemahaman makna yang menjadi isi dari sebuah karya seni visual.

4. ANALISIS DAN PERBINCANGAN



Gambar 1 Saiful Razman, *Walk in Silence, Don't Walk Away in Silence*, media campuran atas kanvas (kertas tisu gulung, kain kasa perubatan, gam, polikrilik dan akrilik), 150sm x 150 sm, 2021


Karya bertajuk *Walk in Silence, Don't Walk Away in Silence* telah dihasilkan oleh Saiful Razman ketika pandemik COVID-19. Lebih bermakna lagi, karya ini juga telah dinobatkan sebagai pemenang 2021 United Overseas Bank (UOB) Painting of the Year Malaysia. Pada tahun kedua berturut-turut, karya yang merefleksikan isu pandemik telah memenangi peraduan 2021 UOB Southeast Asian Painting of the Year yang dianjurkan oleh United Overseas Bank (UOB). Karya ini merupakan lanjutan daripada pameran solo Saiful Razman berjudul *Future Love* di Chan + Hori Contemporary, Singapura pada tahun 2019 dan juga kesinambungan media dan teknik dari karya beliau yang pernah memenangi pertandingan Bakat Muda Sezaman pada tahun 2017. Karya di atas kanvas ini menggunakan media campuran iaitu kertas tisu, kain kasa perubatan, polikrilik dan cat akrilik di atas kanvas. Ukuran karya ini adalah relatif besar iaitu sekitar 150sm x 150sm.

Pada bahagian tengah karya ini terdapat rupa geometrik yang kelihatan seakan-akan rupa sebuah rumah yang digambarkan secara sederhana oleh Saiful Razman (lihat Gambar 2). Rupa rumah ini dikomposisikan dari pandangan hadapan dan tepi sekaligus dengan memperlihatkan bahagian asas sebuah rumah iaitu dinding, atap dan pintu. Jika diamati dengan teliti rupa rumah ini juga kelihatan seperti sebuah terowong. Pada umumnya, rumah atau kediaman merupakan suatu ruang tempat perlindungan, tempat berkumpul dan tempat istirahat buat individu bersama-sama ahli keluarganya. Namun demikian, dalam konteks COVID-19, rumah tidak lebih dari sebuah ruang tahanan ketika manusia mendiaminya tanpa adanya jalan keluar kerana pelbagai desakan khususnya jika dikaitkan

dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau pun kerana alasan kuarantin sendiri. Tidak terlalu berlebihan jika dikatakan bahawa visual rumah yang dipaparkan dalam karya ini dapat dimaknai secara simbolik sebagai ruang penjara di mana di dalamnya manusia terbelenggu dan terkurung sehingga hilang nilai kebebasan dirinya.

Ini selari dengan apa yang dikatakan oleh Saiful Razman ketika ditemubual oleh Fazrina Jazmin (2021). Beliau mengatakan bahawa lazimnya rutin harian beliau ialah pergi ke studio dari pagi hingga ke petang. Apabila PKP diperkenalkan, beliau mula rasa terkurung dan timbul persoalan sama ada rumah sebagai tempat paling selamat untuk didiami atau sebaliknya seperti sebuah penjara. Namun ketika beliau pulang ke kampung kerana ada kematian ahli keluarganya di Teluk Intan, Perak, beliau berpeluang untuk bersiar-siar di bandar dan beliau menyaksikan suasana lanskap bandar tanpa manusia dan kosong. Dari situ beliau terpanggil untuk menggambarkan suasana sepi dan bagaimana manusia di era PKP mendakap ketenangan yang hadir bersama walaupun berada dalam keterasingan dan ketidakpastian.

Memang benar, suasana kesepian dan kekosongan itu jelas terasa ketika memandangi komposisi visualnya yang tidak menghadirkan satu pun subjek hidup, entah itu manusia, haiwan atau juga tumbuhan. Ketiadaan subjek hidup itu menggaungkan kembali perasaan sunyi dan sepi yang mencengkam perasaan pemerhati karya catan ini yang hanya berhadapan dengan bidang kanvas yang datar itu. Ia turut ditambah dengan pemilihan warna catan ini yang hanya memanfaatkan warna neutral seperti putih dan kelabu. Walaupun ia bukan salah satu warna yang paling dihargai, warna kelabu telah mengikuti sejarah simbolisme yang menarik untuk manusia. Ketiadaan kromatisme pada warna kelabu menyebabkannya secara psikologi dikaitkan dengan perasaan kesepian, kebosanan dan kekosongan.




Gambar 2 Saiful Razman, *Walk in Silence, Don't Walk Away in Silence*, 2021

Dalam karya ini, Saiful Razman telah menggunakan teknik kolaj pada permukaan karya dengan menggunakan material kertas tisu bergulung nipis dan kain kasa perubatan atau *medical gauze*. Material itu pula disusun dan dilekatkannya dengan arah yang berlawanan, baik secara vertikal, horizontal mahupun diagonal sehingga menghasilkan perbezaan di antara latar belakang dan subjek utamanya. Pada rupa subjek rumah itu pula, Saiful Razman telah melekatkan kertas tisu putih di atas permukaan kain kasa sehingga menghasilkan kontras yang agak kuat di antara latar hadapan dan latar belakang. Sudah tentu penggunaan bahan atau material pada sesebuah karya seperti mana pada karya ini memiliki makna simboliknya yang khusus. Pada dasarnya, kain kasa perubatan atau *medical gauze* ini digunakan untuk menutup atau melindungi luka atau kawasan tubuh yang cedera (Eriningsih, R., dkk 2012). Mungkin, kain kasa perubatan ini digunakan sebagai material utama dalam karya ini bagi

mengungkapkan secara simbolik harapan dan hasrat Saiful Razman yang menginginkan dunia ini pulih seperti sebelumnya, suatu pengharapan terhadap penyembuhan.

Kemudian, jika ditinjau dengan lebih teliti, pertembungan di antara latar hadapan dan latar belakang pada bahagian tengah rupa rumah itu menghasilkan rupa negatif yang menyerupai sebatang pencil atau pun mirip dengan bangunan pencakar langit yang menancap ke atas (lihat bulatan merah pada Gambar 2). Dikaitkan dengan pengalaman peribadi Saiful Razman sendiri yang keluar dari rumahnya sewaktu PKP untuk melawat ahli keluarganya yang meninggal dunia sewaktu PKP, rupa tersebut lebih mirip kepada batu nisan, objek yang selalunya diletakkan di atas kubur orang Islam sebagai tanda pengenalan bagi jasad manusia yang dikebumikan di satu-satu kawasan perkuburan. Dihubungkan dengan konteks tersebut, boleh jadi rupa negatif tersebut menyiratkan satu makna ironi tentang kebebasan manusia di era PKP. Bahawasanya, hanya kematian sahaja yang boleh membebaskan manusia untuk keluar dari rumahnya dan menikmati kehidupan di luar dan bukan sebaliknya. Makna ini, mungkin direfleksikan oleh beliau secara puitis melalui tajuk karya ini sendiri iaitu *Walk in Silence, Don't Walk in Silence*.

Makna kebebasan itu juga secara sadar mahu pun tidak telah dipertegaskan oleh Saiful Razman melalui prinsip kontras yang hadir dari pertembungan antara warna latar subjek dan latar belakangnya. Dapat dilihat bagaimana pada bahagian latar belakang, selapis kain kasa perubatan yang disusun secara melintang sehingga menghasilkan kesan lutsinar itu dapat dimaknai sebagai tanda kebebasan meneroboh ruang. Sedangkan, pada bahagian rupa rumah yang tersusun dari beberapa lapisan tisu berwarna putih secara menegak itu sehingga menghasilkan kesan legap dapat ditanggapi sebagai makna keterbatasan menerobos ruang. Jadi, prinsip kontras ini mampu menyimbolkan situasi manusia yang mengecapi kebebasan meskipun dalam penuh keterbatasannya. Seperti yang dikatakan oleh Saiful Razman sendiri (Fazrina Jazmin, 2021), peristiwa kematian ahli keluarganya di Teluk Intan menjadi titik penting dalam peristiwa kehidupannya sepanjang PKP kerana pada waktu itulah beliau mampu mengecapi kebebasan sebentar dengan berpeluang bersiar-siar di bandar tersebut walaupun beliau merasa terasing kerana persekitaran bandar tersebut yang sunyi tanpa kehadiran manusia.



Gambar 3 Saiful Razman, *Walk in Silence, Don't Walk Away in Silence*, 2021

Selanjutnya, pada latarbelakang karya ini Saiful Razman telah memotong dan mencarik permukaan kain kasa perubatan yang ditampal di atas bidang permukaan kanvas itu sehingga menghasilkan kesan koyakan yang kelihatan seperti tirai disingkap sehingga menampakkan struktur warna gelap yang berada di permukaan dasar kanvas itu. Carikan-carikan yang terhasil walaupun tidak beraturan dan kelihatannya bebas dan bersahaja tetapi diekspresikan oleh Saiful Razman dengan penuh perkiraan dan berhati-hati sehingga terkesan sungguh puitis. Entah kenapa, memandang kesan visual carikan tersebut mengundang perasaan hiba dan sayu yang cukup mendalam.

Sebagai tanda, kesan carikan itu dapat menandakan suatu yang rapuh, tidak utuh dan tidak sempurna. Dikaitkan dengan fenomena COVID-19, hal tersebut dapat disaksikan melalui banyaknya tragedi kemanusiaan yang disebabkan olehnya tersebut seperti kehilangan nyawa, kehilangan mata pencarian hidup, musnahnya hubungan rumahtangga dan lain sebagainya. Secara simbolik, mungkin inilah yang ingin diungkapkan oleh Saiful Razman, iaitu perasaan hiba, sedih dan risau yang dialami dengan keadaan di sekelilingnya yang sudah tidak sama seperti dahulu dan juga menyimbolkan betapa rapuhnya manusia dari sudut biologi, sosial dan budaya ketika dilanda oleh wabak yang mengancam nyawa itu.

5. KESIMPULAN

Karya seni visual sebagai medium komunikasi manusia adalah refleksi terhadap pengalaman hidup manusia yang dituangkannya melalui perantaraan tanda dan simbol tertentu. Fenomena COVID-19 telah betul-betul mengubah perjalanan hidup manusia tidak seperti sebelumnya. Di satu sisi, ia memunculkan pelbagai permasalahan yang belum pernah ada sebelum itu sehingga menuntut adanya penyesuaian atau adaptasi dalam kehidupan personal, sosial dan kebudayaan. Manakala, di sisi lain pula ia memberikan pengalaman-pengalaman baharu yang dapat dimanfaatkan oleh manusia untuk menjalani kehidupannya termasuklah di dalam penciptaan karya seni visual.

Karya bertajuk *Walk in Silence, Don't Walk Away in Silence* (2021) memuatkan sejumlah simbol dan tanda yang diinspirasikan dari pengalaman peribadi seniman sewaktu menempuh fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) beberapa tahun yang lepas. Simbol dan tanda tersebut secara tersirat mengungkapkan makna simbolik tentang kehidupan manusia yang terpenjara sehingga hilang nilai kebebasannya sehingga hanya peristiwa kematian sahaja yang mampu membebaskan manusia untuk keluar dari belenggu tersebut walaupun dunia di sekitarnya penuh dengan kesunyian dan kekosongan.

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Prof. Dr. Tjetjep Rohendi Rohidi yang banyak memberikan nasihat dan bimbingan sepanjang kajian ini dijalankan, baik dari aspek teori mahu pun metodologi. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada saudara Saiful Razman yang memberikan kami inspirasi untuk menuliskan kajian ini dan mengambil karya beliau sebagai objek kajian yang dianalisis. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pihak penerbit dan juga para pengulas yang memberi pandangan untuk memantapkan penulisan artikel ini.

PEMBIAYAAN

Kajian ini tidak menerima pembiayaan daripada mana-mana pihak.

SUMBANGAN PENULIS

Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad – penulis dan analisis
Issarezal Ismail – penulis dan analisis
Muhamad Rozali Othman – pengumpul data
Mohd Daud Abdul Rahim – pengumpul data
Mohd Nafis Saad – pengumpul data

KONFLIK KEPENTINGAN

Pengarang mengisytiharkan tiada potensi konflik kepentingan berkenaan dengan penyelidikan, pengedaran dan/atau penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- Berita Harian (2023) WHO beri amaran kemunculan varian baharu COVID-19 digelar 'Kraken'. <https://www.bharian.com.my/dunia/lain-lain/2023/01/1049129/who-beri-amaran-kemunculan-varian-baharu-covid-19-digelar-kraken>. Diakses pada 14 Jan 2023
- Creswell, J.W. (2014). *Research design: qualitative, quantitative & mixed methods approach*. California: SAGE Publication Inc.
- Eriningsih, R., Mutia, T., & Sjaifudin, A. (2012). Benang Gelatin/Alginat Sebagai Bahan Baku Kain Kasa. *Jurnal Ilmiah Arena Tekstil* Volume 27 No.2 – Desember 2012 : 55-101.
- Fazrina Jasmin (2021). Walk in silence, don't walk in silence bersama Saiful Razman. <https://baskl.com.my/walk-in-silence-dont-walk-away-in-silence-bersama-saiful-razman/>. Diakses pada 25 Jan 2023
- Ibrahim, S., Husain, A. H., Aris, A. & Adlene Aris, A. (2020). Digital Exhibition of The Bridge: A Visual Art Documentation on Expression during the Pandemic. *International Journal of INTI. Vol 24. Special Issue AnDIC2020*. 10-16
- Irwan Muhammad Zain (2020). COVID-19: Ketika atau selepas PKP, seniman jangan berhenti berkarya- Nizam Rahmat. <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/covid-19-ketika-atau-selepas-pkp-seniman-jangan-berhenti-berkarya-nizam-rahmat-237556>. Diakses pada 15 Jan 2023
- Ismail, I., Said Ahmad @ Syed Ahmad, S., Merman, H. & Othman, M.R. (2021). Mesej Simbolik Di Sebalik Karya Seni Visual Bertajuk Wira Oleh Haris Abadi Abd Rahim Dalam Konteks Fenomena Covid-19. *Prosiding International Virtual Conference on Creative Technology and Visual Arts 2021 (IVCCTVA 2021)*. 18-19 Oktober, 2021. UMS Sabah.
- Ismail, I., Jusilin, H., Abdul Razak, R., Mazlan, H., & Razali, R., (2021) Mesej Simbolik Karya Poster Covid-19 Dari Balai Seni Lukis Sabah Symbolic Message of Covid-19 Poster Work from Sabah Art Gallery. *Jurnal Kinabalu* Bil. 27(1), 229-254.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2021) Langkah-Langkah Pencegahan Penularan COVID-19 di Tempat Kerja. <https://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/2021/05/langkah-pencegahan-covid-19-di-tmpt-kerja>. Diakses pada 14 Jan 2023
- Nur Asyilla Che Jalil & Wan Faiziah Wan Abdul Rahman. (2020) Novel Coronavirus COVID-19: Bicara Asas Tentang Dia. <http://covid19.kk.usm.my/artikel/bacaan-umum/29-novel-coronavirus-covid-19-bicara-asas-tentang-dia>. Diakses pada 11 Jan 2023.
- Ogden, C.K. & Richards, I.A. (1989). *The meaning of meaning*. San Diego: Harcourt Brace Javanovich.
- Poespoprodjo, W. (1987). *Interpretasi: beberapa catatan pendekatan filsafatnya*. Bandung: Penerbit Remaja Karya CV Bandung.
- Razali, R., W. Mohd Apendi, W. N., Mazlan, H., Syed Abu Bakar, S. A., & Saad, M. N. (2022). Visual Arts in the Context Of Post COVID-19 in Malaysia: Interpretation of Symbols for selected Artworks "Transit 1X1: Online Exhibition". *KUPAS SENI, 10*, 104–111. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.2.10.2022>
- Rohidi, T.R. (2011). *Metodologi penelitian seni*. Semarang: Cipta Prima Nusantara.
- Rohidi. T.R. (2000). *Kesenian dalam pendekatan kebudayaan*. Bandung: Penerbit STISI.
- Ricoeur, P. (1981). *Hermeneutics and human science*. Cambridge: Cambridge University.
- Saidi, A.I. (2008). *Narasi simbolik seni rupa kontemporer Indonesia*. Yogyakarta: ISAAC Books.
- Said Ahmad @ Syed Ahmad, S., & Othman, M. (2020). Covid-19 Pandemic: Zainon Abdullah's Expression Through Artworks. *Ideology Journal*, 5(2), 131-140. doi:10.24191/ideology.v5i2.235

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

Setuju.

27.1.2023

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR

nar